

KENYATAAN MEDIA

11 MEI 2021

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Usik Meter Elektrik, Syarikat Didenda RM200,000.00**

**Klang, 11 Mei** – Mahkamah Sesyen Klang, semalam menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM200,000.00 ke atas syarikat Harta Packaging Industries (Selangor) Sdn. Bhd. atas empat (4) pertuduhan membuat pengusikan pada meter elektrik kepunyaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan menghalang meter tersebut dari merekodkan penggunaan elektrik yang sebenar.

Syarikat tersebut dituduh di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali. Syarikat tersebut mengaku salah terhadap keempat-empat pertuduhan yang dibacakan.

Hakim Mahkamah Sesyen, Razali Ariffin menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000.00 atau satu (1) bulan penjara jika gagal membayar denda bagi setiap pertuduhan. Syarikat tersebut telah membayar denda yang dikenakan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga (ST), Nazeehan Farhy Nasseri manakala syarikat tersebut tidak diwakili peguam.

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga. ST berharap kes ini dapat menjadi pengajaran kepada semua pihak agar tidak mengusik meter elektrik pihak utiliti dengan niat untuk mengganggu bacaan bil elektrik daripada mencatatkan bacaan meter dengan betul.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST juga memandang serius perkara ini kerana aktiviti seperti ini bukan saja melibatkan soal keselamatan, tetapi juga memberi implikasi yang besar kepada negara kerana ia akan meningkatkan kos pembekalan elektrik kepada pengguna. Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aktiviti mengusik meter elektrik melalui sistem eAduan ST yang boleh dicapai melalui laman web [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: [azlinamj@st.gov.my](mailto:azlinamj@st.gov.my)/[zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)/[harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.